

30/05/2004

Dasar luar Malaysia konsisten, kemas tetapi sentiasa tajam

By Hishamuddin Aun

PERUBAHAN kepemimpinan lazimnya membawa bersamanya perbandingan dari segi stail dan pendekatan. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut tidak terhindar daripada persoalan berkenaan sejak mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober tahun lalu.

Apakah dasar luarnya berbeza, apakah keutamaannya sudah berubah, dan apakah pendiriannya dalam menangani isu dua hala dan pelbagai hala menampakkan kelainan - demikian antara persoalan yang kerap ditanya.

Dalam temu bual dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Sabtu lalu, Pengarang Kumpulan Berita Harian, HISHAMUDDIN AUN, mencungkil jawapan terhadap persoalan berkenaan yang menyerlahkan kedudukan Malaysia di tengah-tengah peta dunia.

(END)